

20 MAY 1999

Mahathir-Habibie

MAHATHIR AKAN BINCANG ISU PENDATANG TANPA IZIN DENGAN HABIBIE

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan berbincang, antara lain mengenai kehadiran pendatang tanpa izin dari Indonesia di Malaysia, dengan Presiden B.J. Habibie semasa perbincangan mereka di Pulau Batam, Indonesia hari ini.

Ketika bercakap kepada pemberita bagi mengumumkan rombakan kecil Kabinet di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini, Dr Mahathir berkata kehadiran pendatang tanpa izin di negara ini semakin meningkat.

Menurutnya bagi tempoh tiga bulan tahun ini, bilangan pendatang tanpa izin adalah sama seperti jumlah yang masuk sepanjang tahun lepas.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perjumpaannya dengan Habibie.

Perdana Menteri berkata perbincangan mereka akan tertumpu kepada perkara dua hala.

Dr Mahathir dijadual bertemu Habibie di Nongsa, Pulau Batam, sebelum memulakan lawatan rasmi dua hari ke Johor.

Kedua-dua pemimpin itu kali terakhir bertemu sebelum mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di sini Nov lepas.

Semalam, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Dr Mahathir dan Habibie dijangka berbincang mengenai isu-isu dua hala dan bertukar-tukar pengalaman dalam menangani kegawatan ekonomi apabila mereka bertemu di Pulau Batam.

Syed Hamid berkata kedua-dua pemimpin akan berbincang antara lain mengenai kerjasama dan cara bagi meningkatkannya serta bertukar-tukar pengalaman dalam menangani pelbagai isu seperti masalah ekonomi yang dihadapi oleh kedua-dua negara.

-- BERNAMA

ES LAT